



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2000**

---

**KEAHLIAN PEGAWAI AWAM DI DALAM KELAB GOLF  
DAN KELAB REKREASI SWASTA SECARA KEHORMAT ATAU NOMINEE  
SERTA PENGGUNAAN KEMUDAHAN  
SECARA PERCUMA DI KELAB TERSEBUT  
OLEH BADAN ATAU PERSATUAN JABATAN**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai garis panduan keahlian pegawai awam di dalam kelab golf dan kelab rekreasi milik swasta secara kehormat atau nominee serta penggunaan kemudahan secara percuma di kelab tersebut oleh badan atau persatuan jabatan.

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini berlaku keadaan-keadaan dimana pegawai-pegawai awam diberi keahlian secara kehormat atau nominee oleh kelab-kelab golf dan kelab-kelab rekreasi milik swasta. Keahlian ini boleh menimbulkan keadaan serba

salah kepada pegawai awam dalam menjalankan tugas rasmi sekiranya berkaitan dengan kepentingan kelab berkenaan. Ia juga boleh menimbulkan salah tanggapan orang ramai terhadap integriti seseorang pegawai awam.

3. Disamping itu terdapat juga badan atau persatuan sukan dan kebajikan jabatan termasuk persatuan yang dianggotai sepenuhnya oleh pegawai awam menggunakan kemudahan kelab golf atau kelab rekreasi milik swasta secara percuma bagi menganjurkan aktiviti-aktiviti badan atau persatuan berkenaan. Ini juga boleh menimbulkan salah tanggapan daripada orang ramai terhadap integriti jabatan berkenaan.

## **TAFSIRAN**

4. Bagi maksud pekeliling ini keahlian secara kehormat atau nominee, badan atau persatuan jabatan dan ketua jabatan bermaksud seperti berikut:-

- (a) **Keahlian secara kehormat atau nominee**

Keahlian secara kehormat atau nominee bermaksud mana-mana pegawai awam yang ditawar oleh mana-mana kelab golf atau kelab rekreasi untuk menjadi ahli bagi menikmati segala kemudahan yang terdapat dalam kelab golf atau kelab rekreasi berkenaan tanpa membayar yuran keahlian atau yuran bulanan atau kedua-duanya sekali. Ini juga meliputi pegawai awam yang dilantik atas pelbagai kedudukan

seperti Penaung, Pengurus, Penasihat atau Ahli Jawatankuasa Kelab dan sebagainya yang diberi salah satu atau kesemua kemudahan tersebut.

(b) **Badan atau Persatuan Jabatan**

Badan atau persatuan jabatan bermaksud:

- (i) Semua badan sukan, kebajikan dan sosial yang ditubuhkan di jabatan kerajaan; dan
- (ii) Semua persatuan yang ditubuh dan dianggotai oleh pegawai awam seperti Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Kastam Malaysia, Kelab Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Kelab Sukan dan Kebajikan, Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain.

(c) **Ketua Jabatan**

Ketua jabatan ertinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab di sebuah kementerian, jabatan, institusi, agensi atau unit dan termasuklah mana-mana pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi kementerian, jabatan, institusi, agensi atau unit

untuk bertindak bagi pihaknya.

## **PERATURAN YANG BERKAITAN**

5. Pada masa ini peraturan yang berkuatkuasa berkaitan dengan perkara ini ialah:

- (i) [\*\*Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998\*\*](#) – Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di dalam Perkhidmatan Awam; dan
- (ii) Peraturan 8 dan 9, [\*\*Peraturan-Peraturan Pegawai Awam \(Kelakuan dan Tatatertib\) 1993\*\*](#). Peraturan 8 ialah berkaitan dengan pemberian dan penerimaan hadiah manakala peraturan 9 ialah mengenai pemberian dan penerimaan keraian.

## **PANDUAN PENERIMAAN TAWARAN KEAHLIAN SECARA KEHORMAT ATAU NOMINEE DALAM KELAB GOLF DAN KELAB REKREASI MILIK SWASTA OLEH PEGAWAI AWAM**

6. Panduan bagi penerimaan tawaran keahlian secara kehormat atau nomine dalam kelab golf dan kelab rekreasi milik swasta adalah seperti berikut:

- (i) Pegawai awam yang ditawarkan keahlian secara kehormat atau nomine dalam kelab golf atau kelab rekreasi milik swasta hendaklah terlebih dahulu memohon secara bertulis kepada ketua jabatan dengan menggunakan borang seperti di [\*\*Lampiran A\*\*](#).

- (ii) Ketua jabatan semasa menimbang dan meluluskan permohonan ini hendaklah mengambilkira syarat-syarat berikut:
- (a) penerimaan tawaran tersebut tidak akan dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk bercanggah dengan kepentingan jabatan atau dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pengkhidmat awam serta tidak dengan apa-apa cara mempengaruhi pelaksanaan tugas rasminya;
- (b) bilangan keahlian secara kehormat atau nomine yang telah dimiliki oleh pegawai;
- (c) tidak dalam apa-apa cara bercanggah dengan tatakelakuan yang ditetapkan di bawah peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993; dan
- (d) kesediaan pegawai untuk melepaskan keahlian setelah bertukar keluar dari sesuatu negeri atau jabatan atau bersara.
- (iii) Walau apa pun kelulusan para (ii) di atas:
- (a) Ketua jabatan boleh pada bila-bila masa menarik balik kelulusan tersebut sekiranya didapati keahlian pegawai tersebut bercanggah

dengan syarat-syarat yang dinyatakan di para (ii); dan

- (b) Pegawai juga hendaklah pada bila-bila masa melepaskan keahlian tersebut dan melaporkan kepada ketua jabatan sekiranya beliau mendapati keahlian itu bercanggah dengan syarat-syarat yang dinyatakan di para (ii).

Contoh surat kelulusan adalah seperti di [Lampiran B](#).

### **PENGGUNAAN KEMUDAHAN SECARA PERCUMA DI KELAB GOLF DAN KELAB REKREASI MILIK SWASTA OLEH BADAN ATAU PERSATUAN JABATAN**

7. Di samping itu juga terdapat badan atau persatuan sukan kebajikan dan sosial jabatan termasuklah persatuan yang dianggotai sepenuhnya oleh pegawai awam mengadakan aktiviti masing-masing di kelab golf dan kelab rekreatif milik swasta. Kerajaan tidak menghalang aktiviti berkenaan asalkan aktiviti tersebut tidak menjaskankan imej dan integriti jabatan dan pegawai itu sendiri.

8. Badan atau persatuan jabatan yang menerima tawaran dari kelab golf atau kelab rekreatif bagi menggunakan kemudahan kelab berkenaan **secara percuma** hendaklah memohon kebenaran secara bertulis kepada ketua jabatan untuk pertimbangan dan kelulusan dengan menggunakan borang seperti di [Lampiran C](#).

9. Ketua jabatan semasa menimbangkan permohonan daripada badan atau persatuan ini hendaklah mengambil kira syarat-syarat berikut:-

- (i) penerimaan tawaran tersebut tidak akan dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk bercanggah dengan kepentingan jabatan atau dengan kedudukan pegawai terlibat sebagai pengkhidmat awam;
- (ii) tidak dalam apa-apa cara menyebabkan penglibatan pegawai dalam aktiviti berkenaan bercanggah dengan tatakelakuan yang ditetapkan di bawah peraturan 4, **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**;
- (iii) tiada unsur-unsur paksaan, tidak menimbulkan syak, keraguan dan beban kepada mana-mana pihak; dan
- (iv) hendaklah diambil kira dari segi kekerapan penggunaan kemudahan di kelab berkenaan.

## **PENGECUALIAN**

10. Bagi maksud surat pekeliling ini pegawai awam adalah tidak dilarang daripada menerima keahlian dalam kelab golf dan kelab rekreasi milik Kerajaan Persekutuan atau Negeri termasuk kelab milik badan berkanun Persekutuan dan negeri serta milik anak syarikat badan berkanun berkenaan.

## **UMUM**

11. Pegawai awam yang telah menjadi ahli kelab golf atau kelab rekreasi secara kehormat atau nominee sebelum berkuatkuasa surat pekeliling ini, hendaklah juga membuat permohonan untuk pertimbangan dan kelulusan ketua jabatan masing-masing.
12. Tiada apapun peruntukan dalam surat pekeliling ini atau apa-apa pindaan yang dibuat di bawahnya boleh menghalang apa-apa tindakan diambil di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997 (Akta 575), Kanun Keseksaan dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan terhadap mana-mana pegawai awam.


## **PEMAKAIAN**

13. Tertakluk kepada penerimaan keseluruhannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa berkanun Persekutuan dan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

## **TARIKH KUATKUASA**

14. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

27 OKTOBER 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**LAMPIRAN 'A'**

**PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK MENJADI AHLI KEHORMAT  
ATAU NOMINEE DALAM KELAB GOLF DAN KELAB REKREASI SWASTA**

**A. BUTIR-BUTIR PEMOHON**

- (i) Nama Pegawai: .....
- (ii) No. Kad Pengenalan: .....
- (iii) Gelaran Jawatan: .....
- (iv) Kumpulan Perkhidmatan dan Gred: .....
- (v) Tempat Bertugas: .....

(Catatan: Lampirkan senarai tugas pegawai)

- (vi) Keahlian secara kehormat atau nomine yang **telah** dimiliki:
  - a. i. Nama Kelab:.....
  - ii. Alamat:.....
  - iii. Nombor Ahli:.....
  - iv. Tarikh Menjadi Ahli:.....
  - v. Kemudahan Yang Diterima.....

- b. i Nama Kelab:.....
- ii. Alamat:.....
- iii. Nombor Ahli:.....
- iv. Tarikh Menjadi Ahli:.....
- v. Kemudahan Yang Diterima:.....

(Sekiranya lebih dari dua, gunakan lampiran)

**B. KETERANGAN MENGENAI KEAHLIAN SECARA KEHORMAT/NOMINEE KELAB GOLF DAN KELAB REKREASI YANG BARU DITAWARKAN**

- (i) Nama Kelab: .....
- (ii) No. Pendaftaran Kelab: .....
- (iii) Tuan Punya: .....
- (iv) Alamat Kelab: .....
- .....
- (v) Hubungan/kaitan dengan pegawai: .....
- (vi) Lain-lain maklumat berkaitan jika ada:.....  
(seperti pandangan pegawai tentang tawaran itu)

**C. PERAKUAN PEGAWAI**

Saya ..... mengaku bahawa butir-butir yang diberi di atas adalah benar.

#### **D. KEPUTUSAN KETUA JABATAN**

Saya selaku Ketua Jabatan setelah menimbangkan permohonan di atas, membuat keputusan berikut:



Mbenarkan pegawai menerima tawaran keahlian kelab secara kehormat/nominee.



Tidak membenarkan pegawai menerima tawaran keahlian kelab secara kehormat/nominee.

[ ( / ) mana yang berkaitan ]

Tarikh: .....  
( Tandatangan )

Nama: .....

Jawatan: .....

#### **Nota**

Kemudahan 'Ahli Kehormat' atau 'Ahli Nominee' yang diluluskan oleh Ketua Jabatan hendaklah direkodkan dalam Buku Kenyataan pegawai berkenaan.

**LAMPIRAN ‘B’**

(Nama dan alamat pegawai )

.....  
.....  
.....  
.....

**Melalui dan salinan:**

(Ketua Jabatan dan alamat jabatan)

.....  
.....  
.....

(u.p:.....)

Tuan,

**Permohonan Kebenaran Keahlian Dalam Kelab Golf  
Dan Kelab Rekreasi Swasta Secara Kehormat Atau Nominee**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada permohonan tuan bertarikh .....berhubung dengan perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian/Jabatan..... telah menimbangkan permohonan berkenaan dan bersetuju memberi kebenaran kepada tuan untuk menerima tawaran keahlian kelab ..... secara kehormat/nominee. Kelulusan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 2.1 Segala kegiatan tuan dalam kelab berkenaan hendaklah tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengenai tatakelakuan dan lain-lain peraturan yang berkaitan dengannya;
- 2.2 Ketua Jabatan boleh pada bila-bila masa menarik balik kebenaran keahlian kelab tersebut tanpa memberi apa-apa sebab; dan
- 2.3 Tuan hendaklah pada bila-bila masa melepaskan keahlian tersebut dan melaporkan kepada Ketua Jabatan sekiranya tuan mendapat keahlian itu bercanggah dengan kepentingan jabatan/kerajaan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “**

Saya yang menurut perintah,

(.....)  
Nama:

s.k.:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Cawangan Pengurusan Pembangunan Perkhidmatan  
Aras 1, Blok B, Kompleks JPA  
Jalan Tun Ismail  
50510 KUALA LUMPUR

**LAMPIRAN 'C'**

**PERMOHONAN KEBENARAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN  
SECARA PERCUMA DI KELAB GOLF DAN REKREASI SWASTA  
OLEH BADAN DAN PERSATUAN JABATAN**

**A. BUTIR-BUTIR PEMOHON**

- (i) Nama Badan/Persatuan: .....
- (ii) No. Pendaftaran Persatuan: .....
- (iii) Alamat: .....  
.....
- (iv) Tujuan penggunaan kemudahan: .....
- .....
- (v) Jenis kemudahan yang akan digunakan: .....
- (vi) Bilangan ahli yang terlibat: .....
- (vii) Tarikh dan masa penggunaan kemudahan: .....
- (viii) Kekerapan menggunakan kemudahan di kelab  
yang sama dalam tempoh 3 tahun terakhir:

<b><u>Tarikh</u></b>	<b><u>Tujuan</u></b>	<b><u>Bil. Ahli Yang terlibat</u></b>
----------------------	----------------------	---

1.	..... .....	..... .....
2.	..... .....	..... .....
3.	..... .....	..... .....

**B. KETERANGAN MENGENAI KELAB GOLF  
DAN KELAB REKREASI**

- (i) Nama Kelab: .....
- (ii) No. Pendaftaran: .....
- (iii) Tuan Punya: .....
- (iv) Alamat Kelab: .....
- (v) Hubungan/kaitan dengan jabatan: .....

**C. PERAKUAN PENGERUSI/SETIAUSAHA PERSATUAN**

Saya ..... mengaku bahawa butir-butir yang diberi di atas adalah benar.

Tarikh: .....

.....  
(Tandatangan Pengerusi/Setiausaha)

**D. KEPUTUSAN KETUA JABATAN \***

Saya selaku Ketua Jabatan, setelah menimbangkan permohonan kebenaran penggunaan kemudahan secara percuma di kelab ..... oleh persatuan ..... membuat keputusan berikut:



Mibenarkan badan/persatuan menggunakan kemudahan secara percuma di kelab berkenaan.



Tidak mbenarkan badan/persatuan menggunakan kemudahan secara percuma di kelab berkenaan.

[ ( / ) mana yang berkaitan ]

Tarikh:.....  
( Tandatangan )

Nama:.....

Gelaran jawatan:.....

- \* Ketua Jabatan bermaksud Ketua Setiausaha sesuatu Kementerian atau Ketua Jabatan di peringkat ibu pejabat.